

Kakitangan awam diminta bekerja bersama PM

Um - 29/3/2006



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Samsudin Osman berbual semasa menuruni eskalator selepas mengadakan pertemuan dengan 180 pegawai kanan kerajaan di Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA 28 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang bakal diumumkan Jumaat ini tidak akan membawa apa-apa erti jika pelaksanaannya tidak dijayakan dengan sepenuh hati terutama bagi kakitangan perkhidmatan awam.

Justeru, Perdana Menteri meminta semua kakitangan kerajaan bekerja bersama beliau dengan menggunakan kaedah penyampaian lebih berkesan bagi memastikan kejayaan RMK-9 itu.

Menurut Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, perkara berkenaan ditekankan oleh Perdana Menteri ketika mengadakan pertemuan dengan 180 ketua setiausaha, ketua perkhidmatan, ketua pengarah, ketua eksekutif badan berkanun dan setiausaha kerajaan negeri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini, hari ini.

Samsudin berkata, sejak Rancangan

Malaysia pertama hingga sekarang, peranan perkhidmatan awam adalah penting kerana mereka yang menggerakkan segala dasar kerajaan.

"Perkara ini memang diakui oleh semua malah selama ini pun perkhidmatan awam sememangnya berperanan sebagai pelaksana pembangunan negara," katanya ketika ditemui pemberita selepas pertemuan itu.

Perdana Menteri dijadual membentangkan RMK-9 di Dewan Rakyat, Jumaat ini.

Dalam pertemuan berkenaan, Samsudin berkata, Perdana Menteri turut memberi penjelasan mengenai RMK-9 selain menerangkan sedikit sebanyak bagaimana perancangan dibuat, apa yang jadi keutamaan dan perkara yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak.

"Dokumen mengenai RMK-9 itu tidak akan membawa apa-apa erti jika ia tidak dilaksanakan dengan jayanya kerana RMK-9 merupakan langkah untuk mencapai Wawasan 2020," katanya.